

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Ungkapan “Jurutera Alaf Baru” memang sudah begitu sinonim dengan kehidupan insan-insan yang bergelar jurutera tidak kira sama ada golongan muda mahupun golongan yang sudah meningkat usia. Masing-masing ingin menampilkan imej profesionalisme bagi menunjukkan bahawa diri mereka adalah sebilangan dari golongan intelek yang mempunyai karisma tersendiri. Jurutera dalam pelbagai bidang, terutamanya jurutera awam, elektrik dan mekanikal berperanan untuk meletakkan Malaysia setaraf dengan dunia luar. Gabungan tenaga golongan cerdik pandai ini boleh menghasilkan sebuah negara yang pesat membangun seperti mana yang dapat kita saksikan di hadapan mata kita sekarang ini.

Sektor pembinaan turut tidak mahu untuk melepaskan peluang bersama-sama industri yang lain menongkah arus dalam mencapai sebuah negara membangun. Peranannya bukan sedikit, malah industri binaan merupakan salah satu industri yang berkembang maju di Malaysia seiring dengan peningkatan ekonomi negara (Wan Yusof Wan Mahmood dan Norizan Mansor, 1996). Menurut Bentley (1992), industri binaan merupakan sebuah industri yang berintensifkan buruh dan mempunyai persaingan yang tinggi. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2002) menunjukkan jumlah tenaga buruh di Malaysia ialah 9,535,000 orang. Manakala CIDB News

(2002) melaporkan bilangan personal binaan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) hingga 31 Disember 2001 ialah 234,137 orang.

Kadar penggunaan pekerja adalah berbeza daripada satu sektor ke sektor, projek ke projek, negeri ke negeri tetapi biasanya dalam lingkungan yang hampir sama (Langford et. al, 1995). Menurut beliau lagi, tanpa manusia, tidak akan wujud alam bina yang kita lihat sekarang ini. Daripada pernyataan ini, jelas menunjukkan peranan pekerja amat penting dalam sesuatu organisasi. Walau bagaimanapun, bagaimana pula dengan hak mereka?

1.2 Pernyataan Masalah

Isu-isu yang berkaitan dengan hak pekerja sentiasa hangat dibincangkan di dada akhbar, persidangan dan seminar serta di kalangan pekerja itu sendiri. Gaji yang diterima, masa bekerja dan peruntukan cuti menjadi perkara yang sentiasa diperjuangkan oleh golongan pekerja dalam mendapatkan hak yang sepatutnya diterima oleh mereka.

Menurut Prof. Madya Kamal Halili, hak pekerja merupakan suatu “hak dalam kehidupan” seperti mana yang ditegaskan oleh Hakim Sri Ram (Utusan Malaysia, 16 Mac 1998). Laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) telah mengkategorikan Malaysia sebagai salah satu negara yang kurang menitikberatkan hak asasi manusia dan hak-hak pekerja (Utusan Malaysia, 9 Mac 2001). Isu-isu di atas menunjukkan pekerja merupakan aspek yang penting dalam organisasi dan kepentingan hak pekerja serta situasinya di Malaysia.

Menurut Kaming (1997), faktor gaji merupakan antara tiga faktor utama yang menyebabkan perpindahan buruh ke tapak lain. Kebanyakan buruh mengejar majikan yang menjanjikan bayaran gaji yang lumayan di samping insentif-insentif lain. Selain

itu, kekerapan kelewatan dalam pembayaran juga menyebabkan perpindahan buruh sungguhpun mereka tidak begitu pasti akan gaji yang bakal diterima di tapak bina yang lain.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menetapkan had maksimum bekerja selama 40 jam seminggu (Berita Harian, 14 Julai 2000). Jika dilihat jumlah jam bekerja seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 60A Akta Kerja 1955 menyatakan bahawa jumlah kerja maksimum ialah 48 jam seminggu. Tambah laporan itu lagi, majikan perlu membayar kerja lebih masa sekiranya mahu pekerja bekerja lebih daripada tempoh berkenaan. Maka di sini jelas bahawa perbezaan jumlah masa bekerja seminggu adalah berbeza di antara ketetapan ILO dengan Akta Kerja 1955 yang digunapakai di Malaysia.

Kebanyakan pekerja binaan tidak mendapat cuti hujung minggu sebagaimana pekerja di sektor lain seperti perkilangan. Hal ini biasanya disebabkan pekerja binaan dibayar mengikut jumlah jam kerja yang dilaksanakan. Perkhidmatan pekerja binaan tidak sama seperti penyelia tapak ataupun jurutera tapak yang dibayar gaji bulanan. Faktor ini penting dalam memastikan mental dan moral pekerja binaan tidak berada dalam keadaan tertekan.

Sejauh manakah pekerja di sektor pembinaan mengetahui tentang hak mereka sebagai pekerja? Menyedari hakikat ini, adalah perlu untuk menjalankan satu kajian terhadap hak-hak pekerja di tapak bina.

1.3 Matlamat dan Objektif

Matlamat kajian adalah untuk menjalankan penyelidikan terhadap penyempurnaan hak-hak pekerja tempatan di tapak bina. Manakala objektif kajian pula ialah:

- a) Mengkaji aspek-aspek pengurusan buruh di tapak bina,
- b) Mengkaji hak-hak pekerja tempatan di tapak bina di bawah Akta Kerja 1955,
- c) Mengkaji tahap kesedaran pekerja di tapak bina dan penyempurnaan hak-hak mereka di bawah Akta Kerja 1955.

1.4 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah:

- a) Hak pekerja yang dikaji adalah berdasarkan kepada hak pekerja yang digariskan di bawah Akta Kerja 1955,
- b) Kajian hanya meliputi pekerja tempatan di tapak bina sahaja,
- c) Hak-hak pekerja tersebut meliputi gaji pekerja, waktu kerja dan peruntukan cuti dan
- d) Kawasan kajian hanya meliputi negeri Johor Darul Ta'zim sahaja.

1.5 Metodologi Kajian

Terdapat empat fasa yang harus dilalui bagi memastikan objektif-objektif kajian ini tercapai. Pada peringkat pertama ialah pengenalan kepada bidang kajian. Pada peringkat ini, kajian literatur yang mendalam akan dibuat melalui pembacaan, rujukan dan perbincangan ke atas sumber-sumber rujukan seperti buku, jurnal, kertas seminar, akhbar dan lain-lain. Kajian ini diperlukan untuk mengetahui apakah permasalahan yang dihadapi oleh pekerja di tapak bina terutama berkaitan hak pekerja, perundangan dan pengurusan buruh. Di samping itu, objektif utama kajian akan tercapai iaitu mengetahui apakah aspek-aspek pengurusan buruh di tapak bina.

Fasa kedua pula merangkumi pengumpulan data yang akan diperoleh melalui kaedah borang soal selidik. Borang soal selidik akan diedarkan kepada responden yang akan dipilih secara rawak di beberapa tapak bina sekitar Johor.

Fasa ketiga ialah peringkat analisis data yang diperoleh melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Analisis dilakukan dengan menggunakan perisian *SPSS For Windows Release 10.01*. Dengan analisis yang dilakukan, matlamat kajian akan dicapai iaitu mengetahui hak-hak yang diperoleh oleh pekerja tempatan di tapak bina di bawah Akta Kerja 1955. Di samping itu, tahap kesedaran pekerja tempatan dan penyempurnaan hak-hak mereka juga boleh diketahui.

Manakala fasa yang terakhir ialah peringkat penyediaan kesimpulan dan cadangan serta dokumentasi kajian yang telah dilakukan. Kesimpulan yang dibuat adalah berdasarkan kepada analisis yang telah dibuat. Cadangan-cadangan juga akan diberikan setelah meneliti keputusan daripada analisis.